

VB 21.6.2019 A9

Atlet UMSKAL mulakan latihan hadapi SUKUMS 2019

LABUAN: Atlet kontinjen UMSKAL memulakan latihan untuk menghadapi Kejohanan Sukan Staf UMS (SUKUMS) Ke-18/2019 yang dijadual akan diadakan di UMS Kota Kinabalu pada 12 – 14

Julai depan.

Ketua Kontinjen Labuan International Campus (LIC), Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata beberapa pasukan sudah pun memulakan latihan awal bagi

memastikan atlet berada dalam keadaan bersiap sedia dari segi mental dan fizikal.

Katanya, antara pasukan yang sudah pun berada di gelanggang kelmarin (Rabu) ialah pasukan dart dan badminton.

“Ada pasukan yang sudah pun mempunyai senarai awal pemain untuk menjalani latihan pemilihan sebelum senarai akhir dimuktamadkan minggu hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Mesyuarat Pengurusan Pasukan LIC Bil. 1/2019 Bersama Ketua Kontinjen UMSKAL di Bilik Mesyuarat Kiamsam, Rabu lalu.

Turut hadir Timbalan Ketua Kontinjen, Zamri Mohamad Tuah UMSKAL.



DR GEOFFREY (dua kanan), mempergerusikan mesyuarat penyelarasan sukan staf UMSKAL, Rabu lalu. Turut kelihatan Zamri (kanan) dan Ahmad Fadly (kiri).

yang juga Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL dan Setiausaha Kontinjen, Ahmad Fadly Abd Rahman yang juga Ketua Sektor Sukan.

Dr Geoffrey yang juga Timbalan Pengarah UMSKAL berharap atlet yang berminat atau pun yang sudah disenaraikan dapat menjalani latihan dengan gigih mengikut jadual yang telah ditetapkan pengurus pasukan masing-masing.

Sementara itu, Ahmad Fadly berharap pada tahun ini, atlet LIC lebih fokus terhadap acara masing-masing bukan sahaja untuk mencapai kemenangan tetapi lebih penting menjaga nama baik UMSKAL.

Katanya, Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Haji Halik sering mengingatkan beliau agar menasihatkan atlet supaya menjalani latihan secara berpasukan untuk menjamin keserasian pasukan mereka.

“Saya yakin dan percaya pemain yang disenaraikan mempunyai matlamat yang sama iaitu memastikan kontinjen UMSKAL mampu memberikan saingan kepada pasukan lain di SUKUMS 2019,” katanya.

Sementara itu, Zamri menasihatkan pemain supaya sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan ketika menjalani latihan dan perlawanans persahabatan.